



## UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

Majlis Daerah Kuala Selangor

Jalan Majlis,

45000 Kuala Selangor,

Selangor Darul Ehsan

**Akhbar** : Sinar Harian  
**Tarikh** : 8.1.2018  
**Muka Surat** : 22  
**Jenis Laporan** : Aduan dan Maklumbalas Media

# Syarikat terlibat *dapat notis arahan*

MDKS arah bersihkan jalan berdebu, berbau busuk sekali gus pastikan kebersihan lori sampah

KUALA SELANGOR - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mengambil tindakan tegas dengan mengeluarkan notis arahan menghapuskan kacau ganggu jalan berdebu dan berbau busuk kepada syarikat berkaitan yang menimbulkan masalah tersebut.

Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MDKS, Mohamad Yusli Askandar menegaskan, notis arahan itu di bawah peruntukan Seksyen 82 (5) Akta Kerajaan Tempatan dan syarikat terbabit diarahkan membersihkan jalan berkenaan.

Menurutnya, syarikat terbabit turut diarahkan supaya membuat pemantauan secara berterusan dan mengawal kebersihan lori yang keluar dari tapak pelupusan.

"Makluman awal yang diterima mendapati, pihak pengurusan tapak pelupusan sedang giat melaksanakan kerja pembinaan dan menaik taraf di tapak pelupusan tersebut.

"Disebabkan keadaan itu, terdapat banyak lori keluar masuk di tapak pelupusan berkenaan dan menyebabkan keadaan persekitaran

berdebu dan berhabuk," katanya selepas mengulas lanjut mengenai aduan penduduk di Simpang Tiga Jeram dan Bukit Kerayong yang berdepan masalah bau busuk dan jalan kotor di kawasan terbabit.

Mohamad Yusli memberi jaminan bahawa kerja menaik taraf di tapak pelupusan sampah terbabit bersifat sementara dan kerja difahamkan tidak akan berpanjangan.

"Hasil pemerhatian MDKS pada 3 Januari lalu mendapati pekerja syarikat terbabit sudah mula melaksanakan kerja pembersihan jalan di laluan terjejas. Namun, syarikat terbabit perlu memastikan tempat mencuci tayar lori yang dibina di kawasan pelupusan sampah berfungsi sepenuhnya bagi elak masalah ini berulang.

"Masyarakat digalakkan salurkan aduan secara atas talian berkaitan perkhidmatan MDKS di sistem dalam talian Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (Star)," katanya.

Sebelum ini, kerajaan negeri diminta mengambil tindakan segera berhubung isu aduan bau busuk dan keselamatan hampir


**INFO** • Notis arahan itu di bawah peruntukan Seksyen 82 (5) Akta Kerajaan Tempatan

3,000 penduduk berhampiran tapak pelupusan sampah di Jeram.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Imhohizam Ibrahim menjelaskan, pihaknya terpengil untuk membangkitkan isu ini berikutan sudah berlarutan sejak enam bulan lalu.

Menurutnya, penduduk mengadu tidak tahan berdepan masalah bau busuk akibat tuisan air sampah di sepanjang laluan ditambah dengan kerosakan jalan semakin teruk.

"Saya amat ambil berat isu penduduk kerana bukan saja berdepan masalah bau busuk, keselamatan mereka juga terganggu kerana laluan lori sampah tanpa kawalan keselamatan. Jalan jadi kotor dan bau busuk bahkan soal kesihatan penduduk kurang dititikberatkan," katanya.



Jentolak digunakan untuk membuang sisa tanah di laluan terjejas.